

bicara tasawuf

Oleh **DATUK ZAKARIA STAPA**
(Bekas Profesor Fakulti Pengajian Islam dan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia)



Ramai kabur, keliru dengan ilmu Tasawuf

kadang-kadang keliru tentang ilmu Tasawuf. Semasa mula berjinak-jinak untuk mencebur diri secara serius dalam bidang akademik, iaitu semasa berada dalam tahun akhir program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), saya telah melakukan penyelidikan dalam disiplin ilmu ini bagi menulis latihan ilmiah, iaitu tugasan wajib bagi pelajar tahun akhir.

DAPATAN MENGEJUTKAN

Hasil penyelidikan itu menunjukkan bahawa ilmu Tasawuf sememangnya satu disiplin ilmu yang banyak menimbulkan kekaburan dan kekeliruan kepada banyak pihak. Kemudian, pada awal dekad 1980-an, saya menjalankan

satu penyelidikan di Kelantan bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana kefahaman dan amalan Tasawuf Muslim Kelantan selaras dengan aliran Tasawuf Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ). Sasaran responden yang dipilih terdiri daripada kalangan mereka yang terlibat mengajar, mengurus dan mentadbir urusan keagamaan harian masyarakat. Pemilihan responden berkenaan diasaskan kepada kewajaran bahawa mereka yang menjadi peneraju dan ikutan dalam pelaksanaan amalan keagamaan di tengah-tengah kehidupan bermasyarakat. Bersesuaian dengan disiplin ilmu Tasawuf itu sendiri merupakan satu disiplin yang banyak tertumpu kepada aspek amalan. Dengan itu, mereka boleh dijadikan petunjuk kepada corak atau pola kefahaman dan amalan Tasawuf

masyarakat. Dapatan kajian mengesahkan bahawa Muslim Kelantan berpegang dan mengamalkan aliran ASWJ. Di samping itu, satu penemuan lain yang juga signifikan ialah terdapat jumlah yang agak besar daripada kalangan Muslim Kelantan yang kabur dan tidak faham dengan baik selok belok ilmu Tasawuf dan Tarekat.

Oleh kerana pemilihan responden penyelidikan adalah seperti tercatat di atas, maka golongan yang terperangkap dalam kekaburan dan tidak faham ini adalah dalam kalangan mereka terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pentadbiran penhal keagamaan di tengah-tengah masyarakat. Mereka seperti imam, guru agama sekolah, pegawai agama di jabatan agama negeri dan daerah di negeri tersebut.

Satu hal yang menarik daripada penemuan yang kedua di atas ialah ia berlaku dan ditemukan di Kelantan, iaitu sebuah negen yang realiti dan aura keagamaannya begitu terserlah di Malaysia, berbanding negeri-negeri lain.

Hal ini terbukti dengan jolokan 'Serambi Mekah' diberikan kepada Kelantan dan masih bertapaknya institusi pengajian pondok yang berperanan mendidik dan menyebarkan ilmu agama, di samping tentunya kekuatan sekolah-sekolah agama Arab yang wujud di serata daerah negeri tersebut serta kewujudan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri. Dengan itu, Kelantan sebenarnya merupakan hub pendidikan agama yang menjadi tumpuan para pelajar dari serata tanah air dari dahulu hingga sekarang.

Jadi, apabila ketidakfahaman kekaburan tentang selok belok ilmu Tasawuf ditemui di negeri Kelantan, maka tentunya tiada apa-apa halangan dan wajar sekali untuk disimpulkan serta dibuat satu pernyataan umum bahawa negeri-negeri lain di Malaysia akan juga menghadapi masalah sama. Mungkin lebih teruk, dalam hal yang berkaitan dengan isu yang dibincangkan ini.

Selanjutnya, pengalaman saya mengendalikan kuliah dan tutor dalam disiplin ilmu Tasawuf di peringkat pengajian pra-siswazah - dalam mod, sama ada, sepenuh masa atau mod jarak jauh - sejak tahun-tahun terakhir dekad 1970-an hinggalah ke akhir tahun 2016 dapat memperkukuhkan lagi dapatan penyelidikan di atas.

Ini kerana kalangan para pelajar yang memasuki universiti dalam bidang Pengajian Islam di UKM, didapati tidak memahami dengan baik ilmu Tasawuf. Mereka hanya mempunyai pengetahuan yang amat asas dalam ilmu tersebut dan langsung tiada maklumat apabila ditanya secara lebih mendalam, misalnya perhal hubungan antara Tasawuf dan Tarekat.

Kalangan pelajar ini termasuk para pelajar separuh masa yang mengikuti pengajian mod jarak jauh yang sebahagian besar terdiri daripada golongan guru-guru agama di sekolah dan kalangan para pegawai agama di pejabat-pejabat agama negeri dan daerah. Mereka datang dari pelbagai negeri di Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak.

FAKTA

Secara dasarnya, masyarakat Muslim di Malaysia tidak jelas dan kadang-kadang keliru tentang ilmu Tasawuf.

Antara disiplin ilmu yang banyak menimbulkan kekaburan, kekeliruan kepada umat Islam.

Kumpulan mendapat asas dalam bidang pengajian Islam turut kabur, tidak faham dengan baik isi kandungan ilmu Tasawuf

Bermakna kumpulan tidak terlibat dalam bidang pengajian Islam tentulah lebih tinggi darjah ketidakfahaman mereka.

Ruangan Bicara Tasawuf ini diharapkan mampu memberikan pencerahan terhadap disiplin ilmu yang amat asas dalam Islam ini

KESIMPULAN

Satu kesimpulan dapat dirumuskan bahawa, sekiranya golongan daripada bidang pengajian Islam sendiri didapati kabur dan tidak faham dengan baik isi kandungan ilmu Tasawuf, maka golongan yang tidak terlibat dalam bidang pengajian Islam tentulah lebih tinggi darjah ketidakfahaman atau kekaburan mereka. Dalam konteks ini perlulah disebut fakta yang umum memaklumkannya, iaitu bahawa, penganan arus perdana negara ini bukannya bidang pengajian Islam atau pengajian agama-Arab. Dengan itu tergambarlah dengan jelas fakta bahawa golongan yang kabur dan tidak faham tentang selok belok ilmu Tasawuf ini adalah terdiri daripada majoriti umat Islam di Malaysia masa kini.

Justeru, ruangan Bicara Tasawuf ini amat sesuai diwujudkan untuk memberikan sedikit sebanyak pencerahan terhadap disiplin ilmu yang amat asas dalam Islam ini.



INSTITUSI Pondok di Kelantan berperanan mendidik dan menyebarkan ilmu agama Islam menjadi tumpuan pelajar daripada tanah air. GAMBAR HIASAN